

04/08/1999

Perarakan Hari Kebangsaan untuk remaja

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Belia dan Sukan akan menganjurkan perarakan Hari Kebangsaan bagi remaja di Bangsar pada 29 Ogos ini dalam usaha menanam semangat patriotik dan cintakan negara di kalangan mereka.

Setiausaha Parlimennya, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, berkata program 'Pesta dan Perarakan Remaja' itu memberi peluang kepada remaja untuk memahami erti kemerdekaan dan pengorbanan yang dilakukan pemimpin negara.

Berikutan itu, katanya, remaja harus digalakkan turut serta dalam sambutan Hari Kemerdekaan ke-42, tidak lama lagi.

"Kita berharap dapat menggalakkan penyertaan remaja daripada pelbagai kaum dalam acara istimewa itu, bersama-sama dengan mereka yang lahir sebelum dan selepas kemerdekaan," katanya.

Shahrizat berkata perarakan itu memberi peluang kepada remaja untuk meraikan hari kemerdekaan dengan cara tersendiri.

Perarakan yang akan bermula jam 8 pagi itu akan disertai pelbagai lapisan masyarakat, remaja dan warga tua pelbagai kaum dari sekitar Bangsar.

Sambil menyifatkan acara itu mencerminkan 'Mini-Malaysia', program berkenaan juga merangkumi pertunjukan pentas yang mempersembahkan lagu dan tarian tradisional Melayu, kumpulan nasyid, tarian Banghra dan opera Cina, anjuran jawatankuasa yang dipengerusikan kakitangan kanan Jabatan Pengarang The New Straits Times Press (M) Bhd.

Program itu turut dimeriahkan dengan pesta jualan dan beberapa acara sukan, yang dianjurkan persatuan penduduk Bangsar, ahli perniagaan setempat dan persatuan penjaja.

Pasukan berpakaian terbaik akan diberi hadiah, begitu juga rumah, ruang perniagaan dan gerai penjaja terbaik. Hadiah turut diberi kepada rumah kedai terburuk.

Semua hadiah akan disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam majlis makan malam yang diadakan pada hari yang sama. Tempat bagi majlis makan malam bagaimanapun belum ditetapkan.

Mereka yang berminat menyertai program itu boleh menghubungi Sekretariat Pesta Remaja di talian 03-2552255 sambungan 230 atau faks 03-2548296 sebelum hari penutup pada 12 Ogos.

(END)